

Pilih **Simpulan Bahasa** yang sesuai bagi ayat di bawah:

bulat kata	angkat bakul	bermandi peluh	ada hati	buah tangan
khabar angin	ikat perut	bergadai nyawa	banyak mulut	alas perut

1. Jamal \_\_\_\_\_ hendak meminang anak hartawan itu.
2. Amirah makan sekeping roti sebagai \_\_\_\_\_.
3. Encik Ganesh sering \_\_\_\_\_ apabila bercerita tentang kehebatan dirinya.
4. Sikap Mona yang \_\_\_\_\_ itu tidak disenangi oleh rakan sekelasnya.
5. Para doktor sanggup \_\_\_\_\_ bagi merawat pesakit COVID-19.
6. Setiap kali ke luar negara, ayah pasti membawa pulang \_\_\_\_\_ untuk kami.
7. Penduduk kampung ini sudah \_\_\_\_\_ untuk bergotong royong membersihkan kawasan kampung pada minggu hadapan.
8. Khairul terpaksa \_\_\_\_\_ di sekolah kerana ayahnya tidak mampu memberikan wang saku kepadanya.
9. Sejak dia menghilangkan diri dari kampung, berbagai-bagai \_\_\_\_\_ tersebar tentang dirinya.
10. Setiap hari Pak Cik Salim \_\_\_\_\_ mengusahakan kebun sayurnya.